

# KEPENTINGAN GEOLINGUISTIK DALAM KEBERDAYAAN ETNOLINGUISTIK MELAYU SINGAPURA

*(The Significance of Geolinguistics to the Ethnolinguistic Vitality of the Malays in Singapore)*

Mohamed Pitchay Gani Mohamed Abdul Aziz  
pitchay@gmail.com

Fakulti Bahasa dan Linguistik, Universiti Malaya,  
506003 Kuala Lumpur, Malaysia.  
Tel.: +65 9085 0824

## Abstrak

Kajian ini meneliti kepentingan geolinguistik dalam mempengaruhi tahap keberdayaan bahasa dan bangsa Melayu di Singapura dengan menggunakan pendekatan sosiologi, iaitu teori keberdayaan etnolinguistik (Giles *et al.*, 1977). Data dikumpulkan secara objektif melalui sumber sosiologi, ekonomi, demografi dan sejarah yang didapati daripada banci penduduk, dokumen kajian dan laporan. Kajian ini juga melibatkan pemerhatian terhadap persekitaran bahasa dan persuratan Singapura. Bahan dianalisis mengikut rangka kerja teori tersebut yang menilai prestasi bahan berdasarkan empat faktor keberdayaan, iaitu status, demografi, sokongan institusi, dan geografi. Kajian ini mendapati kedudukan bahasa Melayu di Singapura dalam lingkungan rendah hingga sederhana, iaitu bahasa ini berpotensi bergerak ke arah defisit bahasa. Namun demikian, sokongan kukuh institusi tidak formal menyumbang kepada pengekalan etnisiti Melayu walaupun tidak mencukupi untuk memelihara kepentingan bangsa dan bahasa Melayu di Singapura. Hubungan geolinguistik didapati sangat penting dalam memastikan bahasa Melayu di Singapura kekal relevan dan digunakan di luar lingkungan budaya.

Kata kunci: geolinguistik, keberadaan etnolinguistik, linguapolitik, pengendalian bahasa, perubahan bahasa, dasar bahasa, etnisiti

**Abstract**

*This research investigates the influence geolinguistics has on the ethnolinguistic vitality of Malays in Singapore using a sociological approach. Data were collected objectively based on sociological, economic, demographic and historical resources from censuses, research documents, and reports, as well as direct and indirect observations on the language and literary environment in Singapore. Data were analyzed following the theoretical framework of Giles et al. (1977)'s ethnolinguistic vitality in which status, demography, institutional support, and geography are identified as factors that affect the vitality of a group. The outcome of the analysis shows the vitality of the Malay language is in the range of low to medium, and there is a possibility of moving towards language deficit. However, there is strong support from informal organizations that contribute to the survival of Malay ethnic identity but this support is insufficient to safeguard the interests of the Malays together with the importance of the Malay language in Singapore. Geolinguistics is found to be the most important factor in ensuring that Malay remains relevant and continues to be used beyond its cultural sphere.*

*Keywords: geolinguistics, ethnolinguistic vitality, linguapolitics, language maintenance, language shift, language policy, ethnicity*

## **PENDAHULUAN**

Nusantara merupakan entiti luas bahasa Melayu yang memberikan kedudukan tinggi kepada bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan dalam segala urusan. Namun demikian, perkembangan politik bermula 1965 telah membawa kepada terbentuknya sempadan linguapolitik antara Singapura dengan kawasan induk bahasa Melayu serantau. Singapura mengamalkan sistem dwibahasa yang mengehendkan fungsi bahasa kebangsaan kepada bahasa ibunda bagi golongan minoriti Melayu. Bahasa ibunda berfungsi sebagai penatar budaya sementara bahasa Inggeris merupakan bahasa utama dalam segala urusan di dalam dan di luar negara. Keadaan ini berbeza dengan Malaysia, Indonesia, dan Brunei yang menggunakan bahasa kebangsaan sebagai bahasa fungsional yang meluas dalam semua lapangan. Kedudukan bahasa Melayu seumpama ini hampir mencecah

lima puluh tahun setelah Singapura berpisah daripada Malaysia. Maka kajian mengenai kesan terhadap kedudukan bahasa Melayu di Singapura dalam konteks hubungan geolinguistik perlu dilakukan untuk mendapatkan gambaran tentang keberdayaan bahasa Melayu di Singapura pada masa kini. Penulisan ini memberi tumpuan pada aspek geolinguistik kerana kedudukan Singapura dalam perangkaan Alam Melayu dan potensi Alam Melayu terhadap keberdayaan bahasa Melayu di Singapura.

## **GEOLINGUISTIK DAN KEBERDAYAAN ETNOLINGUISTIK**

Geolinguistik merupakan bidang kajian bahasa berhubung dengan geografi (Chambers & Trudgill, 1980) yang melibatkan pengamatan terhadap perlakuan bahasa yang mengalami penyebaran keluar daripada kawasan asalnya (Pei, 1965). Hal ini bermakna geolinguistik melibatkan peta bahasa yang menggambarkan pola penggunaan bahasa di sesuatu kawasan atau kesan sesuatu proses yang membawa kepada perubahan terhadap bahasa tersebut (Hoch & Hayes, 2010). Dalam konteks bahasa Melayu, peta bahasanya merangkumi kawasan luas termasuk Malaysia, Indonesia, Brunei, Singapura hingga ke Thailand, Filipina, Taiwan, Australia, Arab Saudi, Afrika, Belanda, dan England (Asmah Haji Omar, 2008). Kawasan ini mempunyai penggunaan bahasa Melayu mengikut status serta kepentingan sosiobudaya dan ekonomi bahasa tersebut.

Asmah Haji Omar (2008) menghasilkan peta geolinguistik Alam Melayu yang lebih fokus berdasarkan tipologi kawasan induk dan bukan induk, serta tradisional dan bukan tradisional. Pembahagian ini berdasarkan tebaran pengguna sesuatu bahasa dalam tiga lingkungan: konteks budaya di kawasan masyarakat penutur tersebut, jumlah penuturnya, dan tempoh kependudukan masyarakat di kawasan tersebut. Maka kawasan induk penyebaran bahasa dikonsepsualisasikan sebagai kawasan yang mempunyai pengguna bahasa yang stabil dengan penggunaan bahasa yang kekal sejak dahulu serta rangkaian komunikasi bahasa yang padat. Keupayaan seumpama ini akhirnya membentuk masyarakat yang bertamadun dengan nilai bahasa dan budaya yang tinggi sehinggakan nama bahasa dan bangsa itu menjadi sinonim. Misalnya, bahasa Melayu bagi bangsa Melayu. Tipologi ini mengkategorikan negara Malaysia, Indonesia, Brunei, dan Singapura sebagai kawasan induk penyebaran bahasa Melayu memandangkan semua kawasan tersebut mempunyai sejarah bahasa yang lama. Kawasan ini juga dikategorikan sebagai kawasan penyebaran tradisional kerana merupakan kawasan budaya bahasa Melayu.

Tipologi ini menunjukkan bahawa kajian geolinguistik mempunyai hubungan rapat dengan sosiologi (Hernandez-Campoy & Conde-Silverstre, 2005) kerana melibatkan aspek keberdayaan masyarakat pengguna sesuatu bahasa akibat daripada penyebaran bahasa tersebut. Hubungan ini ternyata dalam kajian Asmah Haji Omar terhadap penduduk Melayu di Australia (2008) yang mendapati bahawa hubungan dua hala antara penduduk minoriti Melayu di Australia dengan masyarakat Melayu di tanah air mereka (Malaysia, Indonesia, dan Singapura) menyumbang kepada usaha pengekalan bahasa Melayu di Australia. Hubungan seumpama ini memastikan pengaliran konsisten unsur penting keberdayaan etnik, iaitu bahasa, budaya, dan agama. Menurut Fishman (1977) etnisiti atau rasa kekitaan sesuatu kumpulan etnik dan kepentingan bahasa dapat meningkatkan kesedaran dan ketaatan terhadap bahasa. Beliau mendapati bahawa golongan minoriti lebih kerap memerlukan suntikan etnisiti kerana mereka lebih terdedah kepada cabaran etnolinguistik yang mempengaruhi kesedaran mereka terhadap kepentingan bangsa dan bahasa. Oleh itu, dalam konteks kajian ini, peranan geolinguistik negara utama bahasa Melayu di rantau ini dalam menyuntik etnisiti dalam kalangan bangsa minoriti Melayu Singapura menjadi keutamaan dan dipercayai memainkan peranan utama dalam menggalakkan keberdayaan bahasa Melayu di Singapura.

Kewujudan golongan minoriti dan majoriti dalam sesuatu negara bermakna akan lahir situasi dalam hubungan antara kaum atau kumpulan. Satu kumpulan akan lebih berkuasa atau mendominasi kumpulan yang lemah. Terdapat semacam motivasi yang menyebabkan sesebuah kumpulan mampu mempunyai kedudukan yang lebih berkuasa daripada yang lain. Motivasi ini menjadi inti pati kepada teori keberdayaan etnolinguistik (*ethnolinguistic vitality theory*). Giles, Bourhis, & Taylor (1977) mendefinisikan keberdayaan sesebuah kumpulan sebagai “*that which makes a group likely to behave as a distinctive and active collective entity in intergroup situations*” (hlm. 308). Yakni kemampuan sesebuah kumpulan untuk bertindak sebagai sebuah entiti kolektif yang aktif dan unik dalam situasi hubungan antara kumpulan. Kumpulan etnik minoriti yang mempunyai tahap keberdayaan rendah tentunya tidak mampu untuk bertahan sebagai sebuah entiti yang tersendiri. Sebaliknya, kumpulan dominan yang mempunyai tahap keberdayaan tinggi akan terus wujud dan makmur sebagai sebuah entiti kolektif kerana mampu meneruskan kegiatan mereka dan melestarikan sifat keunikan mereka apabila berdepan dengan kumpulan lain. Kumpulan yang lemah pula tidak mampu meneruskan kegiatan mereka atau mengekalkan keunikan mereka kerana mereka

akhirnya diasimilasikan dengan aliran nasional. Keadaan ini menjejaskan etnisiti dan bahasa kumpulan tersebut.

Giles *et al.* (1977) memperkenalkan teori ini atas landasan bahawa terdapat faktor sosiopsikologi yang mempengaruhi tindakan atau respons para anggota sesebuah kumpulan dalam situasi hubungan antara kumpulan. Mereka menghasilkan sebuah konstruksi teoritis taksonomi faktor struktural yang boleh menentukan hala tuju yang mungkin diambil oleh sesebuah kumpulan dalam situasi hubungan antara kumpulan. Taksonomi ini terdiri daripada faktor “status”, “demografi”, dan “sokongan institusi” yang menerangkan hubungan antara faktor tersebut dalam mempengaruhi keberdayaan etnolinguistik. Teori ini menegaskan bahasa prestasi keseluruhan sesuatu kumpulan atau kaum dari segi faktor keberdayaan akan menentukan kedudukan bahasa mereka. Rangka kerja ini menjadikan teori Keberdayaan Etnolinguistik (KE) pendekatan yang paling sesuai untuk meninjau keberdayaan kumpulan atau masyarakat minoriti Melayu yang sering menghadapi cabaran dengan wujudnya masyarakat majoriti Cina yang lebih dominan di Singapura.


Faktor “status” amat penting dalam mengukur kekuatan sesebuah kumpulan. Status memberi kesan terhadap rasa harga diri anggota kumpulan tersebut. Kategorinya terdiri daripada status ekonomi, sosial, sosiosejarah, dan bahasa. Kumpulan yang mampu mencapai status tinggi akan mempunyai kawalan terhadap sumber serta berkemampuan memperbaiki kedudukan sosial dan identiti mereka. Kemampuan ini akhirnya menyumbang kepada peningkatan dan pembangunan bahasa mereka.

Faktor “demografi” merujuk jumlah sesuatu kumpulan dalam sebuah negara dan tebaran kumpulan itu di kawasan lain. Negara asal atau tanah air ialah tempat yang dapat memastikan kewujudan berterusan bahasa kumpulan itu. Kumpulan yang berhijrah atau menetap pula, di entiti geografi yang baharu, bakal mengalami indokrinasi politik dan sosial (Giles *et al.*, 1977), iaitu penyesuaian terhadap etnisiti mereka. Maka kumpulan seumpama ini akan kehilangan keberdayaannya berbanding dengan mereka di negara asal.

Faktor “sokongan institusi” merujuk sejauh mana bahasa sesuatu kumpulan itu mendapat sokongan rasmi dan tidak rasmi daripada pelbagai agensi di dalam negara. Kepentingan sesebuah kumpulan minoriti tertakluk pada keupayaan mereka untuk bertindak sebagai kumpulan pendesak (*pressure group*) melalui perwakilan di media massa, parlimen, dan institusi pemerintah. Kumpulan yang tidak mempunyai sebarang

perwakilan pada peringkat penggubal dasar akan kehilangan kepentingan mereka. Jumlah sekolah etnik dan penggunaan bahasa minoriti dalam sistem pendidikan negara pada semua peringkat pendidikan, bidang agama, pekerjaan, dan penggalakan ekonomi di sektor awam dan swasta juga menyumbang kepada keberdayaan kumpulan tersebut.

Taksonomi asal Giles *et al.* (1977) tidak memberikan tekanan khusus terhadap faktor geografi tetapi meletakkannya sebagai salah satu elemen dalam faktor demografi. Namun demikian, kajian ini mendapati bahawa kelebihan geografi bangsa Melayu di Nusantara wajar diberikan tempat khas dalam taksonomi tersebut. Dapatan ini sesuai dengan dapatan Gibbons dan Ramirez (2004) bahawa faktor geografi boleh berdiri sendiri dan wajar dipisahkan daripada faktor demografi. Faktor geografi menjelaskan tahap penggunaan bahasa penduduk asal dalam kalangan mereka yang berhijrah ke satu kawasan baharu kerana persepsi mereka terhadap bahasa mereka di kawasan baharu itu akan menjejaskan penakatan bahasa tersebut. Umumnya, faktor ini melibatkan analisis situasi kontemporari dan kepentingan sosiosejarah kumpulan tersebut sebagai sebahagian daripada kumpulan asal di tanah air mereka. Rajah 1 menunjukkan taksonomi yang disesuaikan daripada Giles *et al.* (1977) dengan memasukkan faktor geografi.



**Rajah 1** Taksonomi faktor sosiologi yang menjejaskan keberdayaan etnolinguistik.

Keberdayaan sesebuah kumpulan itu boleh diukur berdasarkan nilai yang diberikan pada setiap faktor melalui pengamatan terhadap perlakuan bahasa sesebuah kumpulan berdasarkan keempat-empat faktor sosiologi di atas. Keadaan ini bermakna kumpulan etnolinguistik yang mempunyai nilai rendah dari segi “status” dan “sokongan institusi” tetapi tinggi dari segi faktor “Demografi” boleh dirumuskan sebagai mempunyai keberdayaan keseluruhan yang sederhana. Kumpulan yang mempunyai nilai rendah pula dalam semua faktor akan dianggap sebagai mempunyai keberdayaan keseluruhan yang rendah. Maka berdasarkan kontinum nilai

daripada tinggi hingga rendah, kumpulan yang mempunyai keberdayaan tinggi akan mampu mempertahankan bahasa dan budaya mereka manakala kumpulan yang mempunyai keberdayaan rendah akan kehilangan bahasa dan budaya mereka melalui proses asimilasi kepada aliran nasional. Jadual 1 memaparkan contoh konfigurasi keberdayaan berdasarkan cadangan yang dibuat terhadap kelakonan tiga kumpulan etnolinguistik di Singapura: Melayu, Cina, dan India.

**Jadual 1** Cadangan konfigurasi tiga kumpulan etnolinguistik di Singapura.

Bangsa	Status	Demografi	Sokongan Institusi	Geografi	Nilai Keseluruhan
Melayu	R	R	S	T	R-S
Cina	T	T	T	R	S-T
India	R-S	R	S-T	R	R-S

Nota: R=rendah, S=sederhana, T=tinggi

Nilai keseluruhan menunjukkan bahawa kaum Melayu dan India mempunyai keberdayaan antara rendah hingga sederhana. Nilai ini menunjukkan mereka berpotensi mengalami situasi defisit bahasa kerana lebih terdedah kepada pengasimilasian kepada aliran nasional. Kaum Cina pula mempunyai tahap keberdayaan sederhana hingga tinggi dan berpotensi untuk terus mantap dari segi bahasa dan bangsa mereka memandangkan mereka mendapat nilai tinggi dalam semua faktor kecuali geografi. Kelemahan faktor geografi ini boleh diperbaiki melalui hubungan dua hala sosiobudaya dan ekonomi yang kukuh dengan negara Cina. Faktor geografi pula menyelamatkan kaum Melayu daripada mendapat nilai keseluruhan yang lemah kerana kekuatan hubungan geolinguistik.

Deskripsi seumpama ini membuktikan bahawa teori KE bukan hanya dapat memberikan kedudukan sesebuah kumpulan atau bangsa tetapi dapat mengenal pasti faktor yang boleh membantu atau melemahkan kumpulan tersebut. Tanggapan ini dapat dilihat dalam kajian Sachdev (1995) terhadap keberdayaan objektif penduduk asli Kanada yang membuktikan bahawa faktor KE mampu memberikan anggaran keberdayaan penduduk asli kerana ia sangat deskriptif dan memberi ruang perbandingan dengan kumpulan etnolinguistik lain (Giles, 1978; Bourhis, 1979). Kajiannya mendapati penduduk asli sedang menghadapi keadaan sosial, ekonomi, dan sekitaran yang kritikal yang menjejaskan bahasa mereka. Sachdev

merumuskan bahawa usaha mengaktifkan bahasa dan budaya penduduk asli harus dilakukan dengan memberikan penduduk asli kekuatan sosioekonomi dan pengiktirafan perlembagaan akan hak linguistik penduduk asli.

## **METODOLOGI**

Kajian ini mengumpulkan bahan secara objektif, iaitu dengan merujuk sumber sosiologi, ekonomi, demografi dan sejarah yang didapati daripada banci penduduk, dokumen kajian dan laporan. Selain itu, kajian ini juga melibatkan pemerhatian melalui penglibatan pengkaji secara langsung dan tidak langsung dalam persekitaran bahasa dan persuratan Singapura. Bahan ini dianalisis mengikut rangka kerja teori keberdayaan etnolinguistik (KE) yang menilai prestasi bahan tersebut berdasarkan empat faktor keberdayaan. Analisis data yang dilakukan amat konsisten dengan pendekatan analisis bahan berteraskan sikap masyarakat terhadap bahasa. Ryan, Giles, & Sebastian (1982:7) mengkonsepsualisasikan pendekatan ini dari segi sikap terhadap variasi bahasa yang dipengaruhi cara bahasa itu digunakan oleh masyarakat (misalnya, dasar bahasa dan penggunaannya di agensi dan domain awam). Pendekatan ini amat penting kerana dapatannya boleh dijadikan sandaran bagi kajian selanjutnya dalam meninjau keberdayaan sesebuah kumpulan. Kajian ini tidak melibatkan pengumpulan data secara langsung daripada informan. Pendekatan ini digunakan secara meluas oleh sarjana seperti Fishman (1966), Agheyisi & Fishman (1970), Cooper & Fishman (1974), Cooper (1975), dan Bourhis (1982).

## **DAPATAN**

### **Status**

Dapatan berdasarkan faktor status menunjukkan bahawa Melayu Singapura mempunyai kadar keberdayaan rendah. Bangsa Melayu didapati terjejas oleh faktor sosiosejarah yang mencorakkan pendirian dan sikap pemerintah Singapura terhadap mereka. Secara tidak langsung hal ini mengakibatkan kelembapan prestasi dalam semua sektor sehingga mereka ketinggalan berbanding dengan bangsa lain. Bangsa Melayu tidak mempunyai pengaruh politik kerana kurang perwakilan di parlimen (Lily



Zubaidah Rahim, 2001) dan isu berkaitan dengan Melayu tidak dianggap sebagai isu nasional (Lim & Ong, 2012). Oleh itu, masyarakat Melayu harus menangani masalah mereka sendiri. Pemerintah hanya memberi sokongan secara tidak langsung jika timbul keperluan. Masyarakat Melayu juga kehilangan hak istimewa pendidikan percuma peringkat tertiar (Lily Zubaidah Rahim, 2001) dan lambang ketuanan Melayu dengan pembangunan semula Istana Kampong Gelam (Ainol Amriz Ismail, 1999). Kesangsian pemerintah terhadap masyarakat Melayu juga menjejaskan status mereka sebagai penduduk asal Singapura dan rakyat yang setia khususnya dari segi pelantikan orang Melayu di jabatan yang dianggap sensitif kepada keselamatan negara (Walsh, 2007; *The Straits Times*, 30 September 1999; *The Straits Times*, 29 Mac 1987). Status ekonomi Melayu terus rendah berbanding dengan bangsa lain. Laporan banci penduduk 2000 dan 2010 menunjukkan jumlah pekerja Melayu dalam kategori kolar biru terus bertambah sedangkan jumlah kolar putih tidak berganjak.

Status sosial amat berkait rapat dengan status ekonomi kerana pencapaian satu-satu kaum atau kumpulan itu akan mendapat reaksi daripada kaum atau kumpulan lain. Bangsa lain akan mempunyai persepsi yang negatif terhadap bangsa yang lemah sosioekonominya (Giles *et al.*, 1977). Keadaan ini akan menjejaskan rasa harga diri para anggota bangsa yang lemah itu dan merendahkan upaya keberdayaan etnolinguistiknya. Masyarakat Melayu hari ini terus dicengkam masalah sosioekonomi seperti penyalahgunaan dadah dan penurunan kadar pemilikan rumah akibat masalah kewangan dan keruntuhan unit keluarga kerana penceraian dan delinkuen (Lim & Ong, 2012). Peranan bahasa mereka juga menurun sejak perpisahan dari Malaysia pada 1965 kerana kedudukan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan di Singapura hanyalah lambang semata-mata (Riney, 1998). Sebaliknya bahasa Inggeris yang menjadi bahasa utama di Singapura dan kini bahasa Mandarin juga mencapai kedudukan yang lebih baik kerana kepentingan sosioekonominya.

## **Demografi**

Dapatan berdasarkan faktor demografi menunjukkan bahawa Melayu Singapura mempunyai kadar keberdayaan rendah. Bangsa Melayu didapati terjejas oleh peliberalisasian dasar pemerintah terhadap pendatang asing yang menjejaskan landskap sosioekonomi mereka. Perbandingan jumlah penduduk antara tahun 2000 dan 2010 menunjukkan bahawa bangsa Cina

terus menjadi penduduk majoriti, iaitu 74.1 peratus manakala peratusan Melayu menurun kepada 13.4 peratus, sedangkan jumlah India (7.9 peratus kepada 9.2 peratus) dan bangsa lain (1.4 peratus kepada 3.3 peratus) terus meningkat. Bangsa lain kebanyakannya terdiri daripada pendatang asing yang akhirnya menjadi penduduk tetap. Kini jumlah Melayu di Singapura lebih kecil daripada pekerja asing di Singapura yang berjumlah 1.3 juta orang berbanding dengan 503 000 orang Melayu. Singapura juga mengalami jumlah peningkatan mendadak penduduk tetap yang terdiri daripada bangsa Cina (332 128), India (110 646) dan lain-lain (82 118). Jumlah penduduk tetap Melayu hanya 4327 orang sahaja.

Masyarakat Melayu kehilangan enklaf mereka melalui program penempatan pada 1970-an apabila berakhirnya kampung dan pulau Melayu (Ismail Kassim, 1974). Cabaran terhadap penyatuan bangsa Melayu terus meningkat dengan pengenalan sistem kuota penduduk di bawah dasar integrasi kaum (EIP) diperkenalkan pada 1989 oleh Lembaga Perumahan dan Pembangunan (HDB) yang bertujuan mengehadkan jumlah penduduk di satu-satu kawasan perumahan mengikut peratusan kaum. Umumnya bangsa Melayu diberikan kuota 22-25 peratus sementara bangsa Cina pula 84-87 peratus di semua kawasan perumahan merata Singapura.

### **Sokongan Institusi**

Dapatan berdasarkan faktor sokongan institusi menunjukkan bahawa Melayu mempunyai kadar keberdayaan sederhana. Masyarakat Melayu dapat dianggap sebagai mempunyai jumlah pertubuhan bukan pemerintah (NGO) terbanyak berbanding dengan Cina dan India. Pertubuhan NGO ini menyumbang kepada pelestarian etnisiti Melayu Singapura, tetapi sokongan informal ini tidak mencukupi untuk bertindak sebagai kumpulan pendesak dalam memelihara kepentingan bangsa dan bahasa Melayu. Masyarakat Melayu juga tidak mempunyai pertubuhan politik yang boleh bertindak selaku suara alternatif kepada pemerintah dan pemerhati bagi masyarakat. Ketiadaan perwakilan sedemikian mengurangkan rasa bangga masyarakat Melayu terhadap bangsa mereka (Giles *et al.*, 1977). Masyarakat Cina pula mempunyai sokongan institusi formal dan tidak formal yang kukuh sekali gus memberikan mereka kuasa untuk membuat tuntutan dalam memelihara kepentingan mereka.

Sistem dwibahasa juga menjejaskan imej bahasa ibunda (Melayu, Mandarin, dan Tamil) kerana penggunaannya di sekolah amat terhad (4-5 jam seminggu) berbanding dengan bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar

utama (35 jam). Situasi ini amat berbeza bagi bahasa Mandarin kerana masyarakat Cina mempunyai 26 buah sekolah bantuan khas pemerintah (SAP) yang dimulakan pada tahun 1979 dengan tujuan melestarikan etos sekolah Cina dan mempromosikan pengajaran bahasa dan budaya Cina (Kementerian Pendidikan Singapura). Walaupun penggunaan bahasa Melayu di media Melayu sangat meluas tetapi jumlah media amat sedikit berbanding dengan media Cina dan Inggeris. Malah kehadiran masyarakat Cina begitu ketara sekali dalam media Inggeris berbanding dengan masyarakat lain (Tan, 2004). Penggunaan bahasa Mandarin dan Inggeris juga sangat ketara di papan tanda jalan, papan iklan, nama jalan, nama tempat, nama bangunan, dan nama sekolah. Suasana landskap linguistik seumpama ini berpotensi memberikan semangat kepada masyarakat Cina dan dalam masa yang sama melemahkan semangat masyarakat Melayu.

## **Geografi**

Dapatan berdasarkan faktor geografi menunjukkan bahawa Melayu Singapura mempunyai kadar keberdayaan tinggi memandangkan Singapura terletak di tengah-tengah perangkaian Melayu yang padat, iaitu Alam Melayu. Kedudukan strategik ini membentuk persekitaran yang menggalakkan bagi pengaliran bahasa, bahan persuratan, kepakaran, dan prasarana agama ke Singapura dan peluang untuk Melayu Singapura meneroka dan mengalami sumber Melayu yang kaya di rantau ini melalui hubungan serantau dan persanakan. Pencapaian tinggi dalam nilai keberdayaan bagi faktor geografi tertumpu pada keberkesanan hubungan geolinguistik yang menyaksikan penyebaran sumber bahasa Melayu ke dalam Singapura dari negara Nusantara yang lain.

## **Hubungan Institusi Intellektual Serantau**

Peranan negara serantau dalam membantu perkembangan dan pembangunan bahasa Melayu Singapura sangat ketara. Hal ini terbukti dengan tertubuhnya beberapa badan dan institusi bagi hubungan serantau seperti Majlis Bahasa Melayu Indonesia-Brunei-Malaysia (MABBIM) dan Majlis Sastera Asia Tenggara (MASTERA). Singapura merupakan anggota pemerhati MABBIM sejak 1985. Status pemerhati ini mungkin disebabkan oleh sokongan institusi di Singapura yang lemah. Situasi ini wujud walaupun pihak Majlis Bahasa Melayu Singapura (MBMS) akur akan kepentingan keanggotaan MABBIM bagi memastikan perkembangan

bahasa Melayu di Singapura selaras dengan negara Nusantara yang lain memandangkan Singapura merupakan salah sebuah negara induk bahasa Melayu dan bahasa Melayu merupakan bahasa kebangsaannya.

Status pemerhati tidak mengecualikan Singapura daripada mendapat layanan baik daripada negara anggota MABBIM yang terus memberi ruang dan peluang untuk Singapura mengikuti mesyuarat eksekutif dan kegiatan MABBIM setiap tahun.<sup>1</sup> Singapura meraih manfaat daripada penglibatan tersebut kerana pendedahan yang diterima oleh para perwakilan Singapura dari segi inisiatif yang diusahakan oleh MABBIM khususnya peristilahan, pengajaran dan pembelajaran bahasa, perkembangan dan pembangunan bahasa serta rangkaian kepakaran yang sentiasa bersedia membantu Singapura dalam hal kebahasaan. Satu daripada inisiatif yang masih direalisasikan di Singapura ialah sebutan baku yang dimulakan pada tahun 1990.

Pembangunan akademik Melayu Singapura mendapat suntikan kepakaran apabila Universiti Malaya (UM) membuka pintunya kepada para guru bahasa Melayu Singapura untuk mengikuti program pengajian Melayu peringkat sarjana muda di Jabatan Bahasa Melayu bermula tahun 1993. Sebelum ini, Singapura tidak mempunyai kursus sarjana muda pengajian Melayu bagi guru. Kursus pertama hanya bermula hampir 10 tahun selepas UM, pada tahun 2001 di Institut Pendidikan Nasional, Universiti Teknologi Nanyang. Tanpa UM, Singapura berkemungkinan ketinggalan 10 tahun dari segi pembangunan prasarana bahasa dan persuratan memandangkan para graduan yang dihasilkan Akademi Pengajian Melayu (APM) di UM menyumbang kepada peningkatan dalam penggalakan dan penyebaran bahasa dan persuratan Melayu Singapura. Sumbangan ini diiktiraf pihak Kementerian Pendidikan Singapura (MOE) yang memandang tinggi kemampuan APM menghasilkan guru bahasa Melayu untuk Singapura (Zainal Abidin Borhan, 2010).

Setakat ini APM telah menghasilkan lebih 300 siswazah pengajian Melayu (Zainal Abidin Borhan, 2010) bagi Singapura yang terus menyumbang ilmu dan tenaga di sekolah merata Singapura dan bergiat aktif dalam pertubuhan, gerakan dan institusi tempatan membangunkan prasarana bahasa dan persuratan Melayu. APM juga merupakan pencetus kepada lebih banyak siswazah yang meneruskan kajian pascasiswazah sama ada di Singapura mahupun di Malaysia. Lonjakan dalam jumlah graduan pengajian Melayu merupakan aset penting bagi perkembangan dan pembangunan bahasa Melayu di Singapura memandangkan ada dalam kalangan mereka yang kini berkhidmat di MOE khususnya dalam jabatan

pembangunan kurikulum, di Institut Pendidikan Nasional, di Pusat Bahasa Singapura, di radio dan televisyen Mediacrop, serta dalam akhbar *Berita Harian* Singapura. Landskap bahasa dan sastera Singapura juga mendapat suntikan orang muda dengan kehadiran para graduan APM yang bergerak aktif dalam pertubuhan Melayu dan pada peringkat nasional.

Inisiatif pemerintah Singapura meningkatkan kepakaran guru bahasa Melayu Singapura melalui APM merupakan satu pelaburan yang bukan hanya menguntungkan landskap pengajaran, pembelajaran, pembangunan, dan pengembangan bahasa dan persuratan Melayu Singapura tetapi juga membuktikan bahawa kurikulum bahasa Melayu yang dijanakan MOE selama ini berjaya menghasilkan pelajar bahasa Melayu yang kompeten dalam bahasa Melayu peringkat tinggi walaupun bahasa Melayu diajar sebagai bahasa ibunda (kedua) di Singapura. Malah, siswazah Singapura di APM berjaya menghasilkan latihan ilmiah dalam bahasa Melayu yang bermutu. Perpustakaan APM dan UM menjadi depository kepada banyak bahan penyelidikan mahasiswa Singapura dalam bentuk kertas projek, latihan ilmiah dan tesis bagi peringkat pascasiswazah. Pencapaian kurikulum bahasa Melayu boleh juga dikaitkan dengan inisiatif pihak MOE melantik pakar bahasa dari Malaysia untuk menilai dan menyemak bahan dalam buku teks yang dihasilkannya.<sup>2</sup> Keadaan ini menunjukkan kepentingan peranan Malaysia dalam pembangunan bahasa Melayu di Singapura dan juga keprihatinan pemerintah Singapura dalam memastikan bahawa bahasa Melayu mendapat sokongan dan dukungan kepakaran negara induk bahasa Melayu seperti Malaysia. Pihak MOE juga menggerakkan usaha memperkenalkan dan membudayakan bahasa Indonesia di Singapura. Kementerian Pendidikan Singapura telah memperkenalkan pengajaran bahasa Indonesia di sekolah. Aktiviti penyerapan dan darmawisata juga diadakan antara sekolah-sekolah di Singapura dan di Indonesia.

Kepakaran daripada Nusantara sering dimanfaatkan oleh Majlis Seni Kebangsaan (NAC) dalam usahanya menggalakkan pembangunan penulisan kreatif Melayu di Singapura. Usaha ini dilakukan melalui inisiatif Singapore Writers Festival (SWF) sejak tahun 1986. Para penulis mapan Malaysia, Indonesia, dan Brunei sering diundang untuk berkongsi ilmu penulisan mereka dengan penulis Singapura. Mereka juga dijadikan penilai luar negara bagi sayembara kreatif Singapura oleh NAC, dan Majlis Pembangunan Buku Kebangsaan (NBDCS).

Kepentingan kepakaran luar negara bagi pengajian Melayu juga mendapat perhatian Universiti Institut Pengurusan Singapura (UNISIM). Pada tahun 2009 UNISIM memulakan program Ijazah Sarjana Muda

Pengajian Bahasa dan Sastra dengan kerjasama tiga buah universiti di Malaysia: Universiti Malaya, Universiti Sains Malaysia, dan Universiti Putra Malaysia (Nazri Hadi Saparin, 2008). Perkembangan proaktif seumpama ini membuahkan hasil apabila Pusat Bahasa pertama Singapura dibuka pada tahun 2010 di bawah naungan MOE. Pusat ini juga meneruskan tradisi meraih kepakaran dan pengalaman serantau seperti program lawatan guru dan pelajar ke sekolah di Brunei, Indonesia, dan Malaysia.

Pada tahun 2012 Singapura melalui MBMS telah menjadi anggota Majlis Sastra Asia Tenggara (MASTERA) setelah 18 tahun menjadi negara pemerhati. Keanggotaan Singapura ini merupakan langkah penting terhadap usaha menempatkan Singapura di dalam peta persuratan Nusantara. Singapura bakal menjadi tuan rumah kepada persidangan MASTERA pada tahun 2015 (Nurul'ain Razali, 2012). Impak yang lebih penting lagi ialah hal ini membuktikan sikap positif kepemimpinan Singapura terhadap dunia persuratan Melayu. Galakan ini menghidupkan semangat kepada para penulis tempatan terhadap keluasan peluang yang ada sekali gus membina keyakinan terhadap potensi bahasa Melayu di Singapura. Keanggotaan Singapura dalam MASTERA memang tepat pada masanya memandangkan Singapura kini mempunyai ramai lulusan pengajian Melayu yang bertauliah dan bergerak aktif dalam dunia bahasa dan sastra. Sokongan padu sejak berabad lalu oleh institusi pemerintah Malaysia seperti Dewan Bahasa dan Pustaka kepada para penulis dan penggiat bahasa Singapura dalam bentuk seminar, penerbitan dan program Penulis Tamu Dewan (Fatimah Zainal, 1998; Siti Nor Jahana Samingon, 1998) mengukuhkan lagi kemampuan Singapura sebagai anggota MASTERA.

### **Hubungan NGO Serantau**

NGO merupakan badan utama dalam hubungan Singapura dan Nusantara memandangkan badan ini bebas dan tidak terikat kepada perkembangan politik semasa mahupun dinamisme pemerintah. Asas '50 merupakan badan utama yang memainkan peranan penting dalam hal ini memandangkan pertubuhan ini merupakan gerakan paling mapan yang berjuang bagi kemerdekaan Malaya. Asas '50 mempunyai persahabatan dan perangkaian yang kukuh dengan negara serantau berabad lamanya kerana anggota utamanya semasa zaman penubuhannya merupakan gabungan para penulis Singapura dan Malaysia. Persahabatan seumpama ini membawa kepada sokongan padu teman serantau apabila Singapura berpisah dari Malaysia

pada 1965. Perkara ini terbukti dengan sokongan para penulis Malaysia, Serawak dan Brunei apabila Singapura mengadakan “Perkampungan Sastera” pada tahun 1973 yang membawa kepada tertubuhnya Hadiah Sastera (1974) di Singapura. Sokongan serantau semakin kukuh apabila Asas ’50 memulakan inisiatif Pertemuan Sasterawan Nusantara (PSN) pada 1977 yang kini menjadi tradisi dwitahunan di Nusantara. Acara ini diadakan dua tahun sekali secara bergilir di Singapura, Malaysia, Indonesia dan Brunei. PSN ke 16 diadakan di Singapura pada tahun 2011.

Gerakan NGO serantau dalam usaha mengukuhkan persahabatan dan membangunkan bahasa dan sastera dijanakan dengan adanya kegiatan seperti, SIJORI (Singapura-Johor-Riau) Pertemuan Penyair Nusantara (PPN), Dialog Selatan, Pertemuan Guru-Guru Nusantara (PGN) yang dimulakan KGMS pada tahun 1983 (Sidek Saniff 1996), dan Titian Minda yang melibatkan Persatuan Persuratan Pemuda-Pemudi Melayu Singapura (4PM) dan negara Brunei. Kegiatan seperti ini merencanakan lagi dunia bahasa dan persuratan Melayu Singapura (Salmiah Ismail, 1987). Asas ’50 juga memulakan usaha sama penerbitan dan program pengayaan dengan Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) bermula tahun 2006.

Hubungan geolinguistik antara Singapura dan Nusantara sangat kukuh kerana penulis dan aktivis Singapura tetap diberi sokongan dan galakan yang membina dalam bentuk sokongan logistik seperti ruang penerbitan dan anugerah. Selain UPSI dan UM, Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) memainkan peranan utama sejak dahulu lagi dalam penerbitan karya yang dihasilkan penulis mapan dan muda Singapura. Ruang penerbitan seperti ini memberikan status prestij kepada penulis Singapura dan membuktikan kemampuan mereka dalam menghasilkan karya dan bahan penyelidikan dalam bahasa Melayu yang berwibawa. UPSI pula mengeluarkan anugerah Doktor Kehormat kepada dua sasterawan Singapura, iaitu Masuri SN (2002) dan Muhd Ariff Ahmad (2006). UPSI juga mengeluarkan anugerah Tokoh Suluh Budiman kepada Muhd Ariff Ahmad (2002), Masuri SN (2002), Sidek Saniff (2003), dan Masran Sabran (2004), serta Anugerah Tokoh Pujangga kepada Suratman Markasan (2002) dan Aliman Hassan (2002). UPSI juga menempatkan khazanah peninggalan Masuri SN dan bahan penerbitan Asas ’50 di perpustakaanannya. GAPENA pula mengeluarkan Anugerah Dharma Bakti GAPENA kepada Masuri SN (2002). Anugerah seumpama ini membuktikan ketekalan sasterawan dan aktivis di Singapura dalam memajukan bahasa dan persuratan Melayu tanah air (Maarof Salleh, 2011).



### **Hubungan Industri Agama Serantau**

Singapura merupakan anggota Majlis Agama Brunei-Indonesia-Malaysia-Singapura (MABIMS) melalui penglibatan Majlis Ugama Islam Singapura (MUIS). Majlis ini menyediakan satu lagi platform untuk Singapura meraih hubungan agama dan bahasa dengan negara serantau memandangkan bahasa Melayu merupakan bahasa utama penganut agama Islam di Nusantara. Hubungan keagamaan memanfaatkan Singapura kerana memudahkan kemasukan bahan penerbitan agama dari Malaysia, Indonesia dan Brunei yang membanjiri kedai buku di serata Singapura. Pakar agama juga diundang ke Singapura untuk memberi ceramah dan menjalankan kursus agama di madrasah dan masjid. Institusi pengajian Islam seperti Al-Zuhri mempunyai hubungan pengajian bersama dengan beberapa universiti di Malaysia dan Indonesia seperti UM, UPSI, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), dan Universitas Ibn Khaldum (Indonesia) bagi kemudahan graduannya meneruskan pengajian agama peringkat siswazah. Madrasah Al-Irsyad Singapura pula mempunyai hubungan kerjasama dengan Yayasan Pesantren Sabilul Muttaqin (YPSM). YPSM mengikut kurikulum Al-Irsyad yang mempunyai gabungan sekular dan agama (Osman, 2008). Para penebit buku agama Islam dan buku dalam bahasa Melayu serta pesta buku Kuala Lumpur, Indonesia, dan Brunei Darussalam merupakan platform bagi pengaliran buku sekular dan agama dalam bahasa Melayu ke Singapura.

### **Hubungan Industri Media dan Hiburan Serantau**

Industri hiburan merupakan wahana terbaik dalam penyebaran bahasa Melayu dan Indonesia ke Singapura melalui beberapa inisiatif serantau oleh pihak radio dan televisyen Mediacorp. Stesen radio Warna 94.2 FM dan Ria 89.7 FM telah lama terlibat dengan anugerah serantau dikenali sebagai “Anugerah Planet Muzik” sejak tahun 2001 (Han, 2012) bersama dengan Malaysia dan Indonesia. Industri hiburan mempunyai pengikut yang sangat luas dan tentunya menjadi sumber penting dalam keberdayaan bahasa Melayu di Singapura dan serantau. Pada tahun 2008, Radio Televisyen Brunei (RTB) dan Warna FM radio Mediacorp memulakan kerjasama menerbitkan acara warisan “Berbalas Pantun” dengan tujuan mengukuhkan lagi budaya Melayu (*The Brunei Times*, 1 Julai 2008).

Usaha ini disemarakkan lagi dengan strategi baru televisyen saluran Suria mediacorp yang menayangkan banyak filem bersiri Indonesia di televisyen Singapura. MediaCorp telah membeli saham strategik PT Media



Nusantara Citra (MNC) dan PT Global Mediacom (GMC) bernilai US\$183 juta. MNC memiliki tiga rangkaian televisyen; Televisyen Pendidikan Indonesia, Global TV (Stesen terbaik Indonesia), dan Rajawali Citra Televisi Indonesia yang terkenal kerana menyiarkan rancangan popularnya Indonesian Idol. Stesen ini juga menerbitkan akhbar nasional Indonesia yang popular, *Seputar Indonesia* dan beberapa buah majalah. MNC juga mengendalikan 15 stesen radio di seluruh bandar besar Indonesia.

Kerjasama strategik ini akan memastikan peningkatan mutu dalam rancangan berbahasa Indonesia di Singapura dan serantau. Mediacorp merancang mengembangkan sayap kerjasama untuk keperluan serantau. Singapura berpotensi menjadi hab bagi perkembangan bahasa Melayu/Indonesia di rantau ini memandangkan pihak MNC berharap untuk menjadi syarikat pertama Indonesia yang mengembangkan sayapnya di luar pasaran domestik. Pemaparan lebih banyak rancangan dari Indonesia seperti; drama: 3in1, Dia Siri 1 & 2, Pernikahan Dini, Hikmah Siri 1 & 2, 'J', Sephia, Gol, Ikhlas, Cinta Berkalang Noda, Antara 2 Alam, Kiamat Sudah Dekat, dan Hantu Jatuh Cinta; rancangan informasi: Potret Indonesia, dan Rumah Selebriti; rancangan hiburan: Music by Request, membuktikan keseriusan pihak media massa dalam memasyarakatkan budaya dan bahasa Melayu/Indonesia di Singapura. Siaran Radio Warna Mediacorp juga menggunakan koresponden Indonesia untuk membuat liputan rancangan ehwal semasanya yang bersangkutan dengan Indonesia dan disampaikan dalam bahasa Indonesia di radio Singapura.

### **Hubungan Sosioekonomi Serantau**

Rakyat Singapura mempunyai pertalian kekeluargaan, persaudaraan, dan persahabatan di Malaysia dan Indonesia. Masyarakat Melayu Singapura sering berulang-alik ke Malaysia dan Indonesia terutama sekali pada musim cuti dan perayaan. Kegiatan sedemikian mengukuhkan lagi penggunaan bahasa Melayu dan menanam kesedaran akan keunikan serta kepentingan bahasa kerana masyarakat bandar didedahkan kepada sosiobudaya kehidupan di kampung yang memberikan pengalaman sebenar kehidupan orang Melayu dalam konteks bumi Melayu. Kegiatan budaya dan tradisi Melayu yang tenggelam di Singapura dapat dinikmati semula di Malaysia dan Indonesia. Mata wang Singapura yang lebih tinggi nilainya menjadikan kegiatan membeli-belah, bercuti, dan pelaburan hartanah sangat menarik bagi rakyat Singapura hinggakan ramai yang memilih untuk menetap di Johor Baharu dan bekerja serta bersekolah di

Singapura (Zul Othman, 2012). Oleh itu, rakyat Singapura dari pelbagai bangsa terdedah kepada penggunaan bahasa Melayu yang meluas di Johor. Malah tindakan syarikat penerbangan Singapura, SIA, meningkatkan jumlah penerbangannya ke Bali, Jakarta, Medan, Solo, Balikpapan, Manado dan Lombok pada 2008 (Salim Osman, 2008) menggalakkan lagi akses bahasa dan budaya serantau melalui penutur bahasa Melayu/Indonesia di Singapura dan kawasan Indonesia yang luas.

### **Prestasi Keberdayaan Melayu Singapura**

Keberdayaan keseluruhan Melayu Singapura dapat dinilai dengan menggunakan pendekatan Rasi Gregorutti (2002) yang memberikan angka kepada setiap faktor. Analisis yang dijalankan menunjukkan masyarakat Melayu didapati mempunyai prestasi berikut: “Rendah” (1) bagi status, “Rendah” (1) bagi demografi; “Sederhana” (2) bagi sokongan institusi; dan “Tinggi” (3) bagi geografi. Nilai keseluruhan keberdayaan Melayu boleh didapati apabila angka tersebut dicampurkan dan dibahagi dengan 4, yang memberikan jumlah 1.75, iaitu kedudukan “Rendah-Sederhana”. Nilai ini bermakna kedudukan bahasa Melayu di Singapura berpotensi bergerak ke arah defisit bahasa kerana kumpulan etnik yang keberdayaan rendah akan kehilangan bahasa dan budaya mereka melalui proses asimilasi kepada aliran nasional. Kajian ini menunjukkan bahawa masyarakat Melayu terjejas kerana cabaran sosiopolitik yang membawa kepada penurunan nilai bahasanya daripada bahasa tinggi pada suatu masa dahulu. Namun demikian, sokongan institusi tidak rasmi membantu melestarikan etnisiti dan bahasa sementara hubungan geolinguistik menjadi penjana sumber; kepakaran dan imej bahasa; dan bangsa Melayu. Kajian ini mendapati bahawa peranan hubungan geolinguistik Nusantara sangat penting dalam menggalakkan keberdayaan bangsa dan bahasa Melayu di Singapura. Dapatan keseluruhan menunjukkan bahawa tanpa faktor geografi yang “Tinggi”, keberdayaan kaum Melayu Singapura akan mempunyai nilai “Rendah”, bermakna bahasa Melayu di Singapura bakal mengalami situasi defisit bahasa yang serius.

### **IMPLIKASI KAJIAN**

Kajian ini mendapati bahawa hubungan geolinguistik yang proaktif membantu menggalakkan pembangunan, pengembangan, dan penggunaan bahasa kerana perangkaian yang luas dan dinamik dari segi kepakaran,

sumber intelektual dan hiburan, pelaburan, dan ruang sosialisasi. Maka masyarakat dan institusi rasmi dan tidak rasmi di Singapura wajar memastikan bahawa hubungan seumpama ini diteruskan dan diperkukuh dengan lebih banyak inisiatif serantau dan kerjasama ke arah pembangunan sumber Melayu. Kepentingan hubungan ini ditekankan mantan Menteri Negara Kanan Kesekitaran dan Pengerusi MBMS, Encik Sidek Saniff dalam ucapannya dalam Majlis Antarabangsa Bahasa Melayu (MABM) di Kuala Lumpur:

Kami beruntung kerana berada di rantau Melayu. Jadi ikatan kerantauan ini senantiasa saling mendokong antara satu sama lain. Namun bangun jatuhnya bahasa Melayu terletak di tangan kami sendiri.

(Sidek Saniff, 2000).

Perakuan ini menjadi premis bahawa pembangunan dan pengembangan bahasa Melayu, khususnya, boleh dikukuhkan lagi dengan penglibatan Singapura sebagai anggota MABBIM. Maka, penting bagi kepimpinan Melayu Singapura mencorak hala tuju yang sewajarnya. Kajian ini mendapati bahawa Singapura kini amat bersedia untuk menjadi anggota penuh MABBIM memandangkan mekanisme logistik seperti sokongan sekretariat sepenuh masa dan sokongan dana pemerintah telah pun disediakan untuk menyokong inisiatif pembangunan dan pemekaran bahasa Melayu di Singapura. Kepimpinan Melayu Singapura wajar mengambil kesempatan ini untuk membuktikan kesungguhan pemerintah Singapura terhadap pengembangan bahasa dan persuratan Melayu Singapura serta kemampuan masyarakat Melayu Singapura dalam kepimpinan bahasa dan persuratan. Keanggotaan MABBIM akan meningkatkan prestij bangsa dan bahasa Melayu di Singapura. Penubuhan Pusat Bahasa Singapura merupakan satu pencapaian dan wajar dikembangkan sebagai platform untuk pertukaran antarabangsa, dan pusat rujukan Melayu Nusantara yang menyimpan khazanah Melayu dari pelbagai negara di Nusantara yang boleh dirujuk, dikaji atau dipelajari oleh masyarakat Melayu Singapura agar mereka tahu susur galur bangsa Melayu dari segi bahasa, sastera, budaya, kesenian, dan intelektualisme.

Masyarakat Melayu Singapura dapat mengambil iktibar daripada kejayaan inisiatif masyarakat Cina Singapura yang berjaya menghasilkan satu infrastruktur yang kukuh dan saling melengkapi dalam membangunkan dan mengembangkan alam pengajian Cina di Singapura. Mereka berjaya

mengatasi kelemahan geografi dengan menubuhkan Institut Confucius menerusi satu inisiatif perkongsian antara Universiti Teknologi Nanyang Singapura (NTU) dan Kementerian Pendidikan Republik Cina pada 2005. Institut yang dikenali sebagai CI-NTU ini memainkan peranan penting dalam menggerakkan pengajaran dan pembelajaran bahasa Cina dan mempromosikan budaya Cina di Singapura. Institut ini bergerak selaras dengan dasar pemerintah untuk memudahkan pengajaran bahasa Cina secara multidisiplin di Singapura. CI-NTU juga bertindak selaku platform pertukaran antarabangsa dalam mempromosikan bahasa dan budaya Cina. NTU juga menempatkan Pusat Warisan Cina yang menubuhkan Perpustakaan Gungwu di NTU yang menyimpan lebih daripada 50 000 bahan bercetak dalam bahasa Mandarin dan Inggeris tentang masyarakat Cina di luar negeri (Su, G., 2010). Pusat Warisan Cina ini dibimbing oleh Gabenor Bersekutu dari Taiwan, Singapura, Hong Kong, Malaysia, Indonesia, Thailand, Filipina, dan Amerika Syarikat. Infrastruktur konkrit seumpama ini membuktikan keseriusan masyarakat Cina di seluruh dunia dalam memastikan khazanah dan warisan mereka dilestarikan melalui kesepaduan usaha. Kejayaan ini boleh dijadikan iktibar kepada dunia Melayu Nusantara dalam melestarikan khazanah dan warisan Melayu dengan melenyapkan sempadan politik.

MBMS selaku badan induk bahasa dan persuratan Singapura perlu mengambil inisiatif mendapatkan sokongan, dukungan dan keyakinan NGO dalam usaha merencanakan landskap bahasa dan persuratan yang holistik. NGO mapan dalam dunia bahasa dan sastera seperti Asas '50, KGMS, PGBM, dan 4PM harus digembleng secara profesional untuk matlamat ini. Satu pelan induk perlu dirancang yang melibatkan semua pihak, dengan mengenal pasti kepakaran masing-masing. Kajian ini mendapati peranan penting NGO dalam melestarikan etnisiti Melayu Singapura. Kemampuan NGO sebagai tali hayat etnisiti Melayu harus diiktiraf dan diberikan kedudukan sewajarnya dalam usaha ini. MBMS wajar mengiktiraf NGO dan menjadikan mereka rakan dalam usaha ini bukan sebagai pertubuhan yang diberi dana untuk gerakan jentera masing-masing secara wewenang sekadar mengisi kegiatan tahunan berdasarkan dana yang ditetapkan. MBMS dengan bantuan NGO boleh merapati pengguna bahasa di Singapura dan membuka ruang bagi mereka untuk bergiat aktif di dalam dan luar negara. Satu sistem perangkaan dalam dengan Nusantara boleh diusahakan untuk menyediakan platform mudah dan telus bagi usaha ini.

MBMS dengan kerjasama Pusat Bahasa Melayu Singapura boleh

mendapatkan model daripada institusi seperti DBP Kuala Lumpur, yang mempunyai rekod cemerlang dalam membentuk prasarana holistik bahasa dan persuratan Melayu di Malaysia. Model transnasional yang digunakan oleh pemerintah Singapura dalam merealisasikan prasarana bahasa dan sosiobudaya Cina bagi Singapura wajar dijadikan iktibar kerana telah terbukti berkesan. Model ini lebih mudah bagi Melayu Singapura memandangkan sudah ada hubungan dan dukungan geolinguistik yang kukuh.

Hubungan kukuh geolinguistik penting dalam memastikan bahasa Melayu di Singapura terus relevan dan digunakan di luar lingkungan budaya. Tanpa hubungan sedemikian, penggunaan bahasa Melayu di Singapura, dalam jangka masa panjang, akan terkongkong dan terus tenggelam kerana kurangnya prasarana untuk menggilap upaya bahasa.

## **KESIMPULAN**

Perkembangan politik bermula 1965 telah membawa kepada terbentuknya sempadan linguapolitik antara Singapura dengan kawasan induk bahasa Melayu serantau. Kajian mengenai kesan terhadap kedudukan bahasa Melayu di Singapura dalam konteks hubungan geolinguistik dilakukan untuk mendapatkan gambaran tentang keberdayaan bahasa Melayu di Singapura pada masa kini. Tumpuan diberikan pada aspek geolinguistik kerana kedudukan Singapura dalam perangkaian Alam Melayu dan potensi Alam Melayu terhadap keberdayaan bahasa Melayu di Singapura. Rangka kerja ini menjadikan teori Keberdayaan Etnolinguistik digunakan untuk meninjau keberdayaan kumpulan yang menilai prestasi bahan tersebut berdasarkan empat faktor keberdayaan.

Masyarakat minoriti Melayu yang sering menghadapi cabaran dengan wujudnya masyarakat majoriti Cina yang lebih dominan di Singapura. Daripada kajian didapati dapatan faktor status menunjukkan bahawa Melayu Singapura mempunyai kadar keberdayaan rendah. Dapatan berdasarkan faktor demografi menunjukkan bahawa Melayu Singapura mempunyai kadar keberdayaan rendah. Dapatan berdasarkan faktor sokongan institusi menunjukkan bahawa Melayu mempunyai kadar keberdayaan sederhana. Seterusnya, dapatan berdasarkan faktor geografi menunjukkan bahawa Melayu Singapura mempunyai kadar keberdayaan tinggi memandangkan Singapura terletak di tengah-tengah perangkaian Melayu yang padat. Nilai keseluruhan keberdayaan Melayu boleh didapati pada kedudukan “Rendah-Sederhana”.

Kajian ini mendapati hubungan geolinguistik yang proaktif menggalakkan pembangunan, pengembangan, dan penggunaan bahasa Melayu. Hubungan kukuh geolinguistik penting dalam memastikan bahasa Melayu di Singapura terus relevan dan digunakan di luar lingkungan budaya. Tanpa hubungan sedemikian, penggunaan bahasa Melayu di Singapura, dalam jangka masa panjang, akan terkongkong dan terus tenggelam kerana kurangnya prasarana untuk menggilap upaya bahasa.

## NOTA

1. Pemerhatian pengkaji terhadap kerjasama dalam arena bahasa dan persuratan di antara Singapura dengan negara Nusantara amat penting dalam memahami tujuan dan keadaan hubungan sedemikian. Pengkaji merupakan Setiausaha Kehormat MBMS antara 2002-2005 dan antara wakil tetap Singapura ke sidang MABBIM. Beliau dapat melihat pendirian proaktif negara-negara MABBIM terhadap penglibatan Singapura walaupun selaku negara pemerhati. Perwakilan Singapura diberi layanan yang baik dan mesra dan diberikan peluang untuk memberikan ucapan dan input kepada perbincangan yang dijalankan. Kehadiran ke sidang MABBIM dan juga MASTERA memanfaatkan Singapura khususnya dalam mendapatkan sokongan melalui rangkaian negara-negara induk Melayu Nusantara. Layanan mesra perwakilan negara-negara MABBIM dapat dirasakan juga selepas sidang semasa berseimbang-sembang dan menjamu selera. Mereka sering berbincang dan memikirkan cara membantu Singapura untuk aktif bergiat dengan kegiatan-kegiatan anjuran MABBIM. Malahan Singapura sering diundang setiap tahun untuk menghantar para peserta belia Singapura ke bengkel anjuran MASTERA di Bogor. Pengkaji juga sering diundang ke Brunei untuk menyampaikan kertas kerja di persidangan pendidikan, bahasa dan sastera, serta panel bagi Forum Perdana, dan perkongsian perkembangan bahasa Melayu di Radio dan Televisyen Brunei. Pengkaji juga pernah mengikuti kursus sarjana muda di APM dan anggota eksekutif Asas '50. Pengalaman langsung pengkaji menjadi bahan penting dalam meninjau hubungan geolinguistik Singapura dengan negara-negara serantau.
2. Wawancara bersama Encik Mohamed Noh Daipi, MOE, yang menjelaskan inisiatif MOE dalam mendapatkan pakar-pakar dari Malaysia sebagai konsultan untuk mengukuhkan lagi mutu sumber pembelajaran bahasa Melayu bagi sekolah-sekolah di Singapura. Beliau juga berkongsi tentang inisiatif MOE dalam memperluaskan peluang bagi para pelajar Singapura melalui program pertukaran dan lawatan pelajar dan guru ke Malaysia, Indonesia, dan Brunei.

## RUJUKAN

- Agheyisi, R. & Fishman, J.A., "Language Attitude Studies: A Brief Survey Methodological Approaches" dlm. *Anthropological Linguistics* 12:131-57, 1970.
- Ainol Amriz Ismail, 1999. "Benteng terakhir Melayu Singapura akan dirobohkan" dlm *Utusan Online*, 12 Mei. <http://www.utusan.com.my/>

- utusan/info.asp?y=1999&dt=0513&pub= Utusan\_Malaysia&sec=Muka\_Hadapan&pg=fp\_02.htm [Capaian 27 Oktober 2013].
- Asmah Haji Omar, 2008. *The Malays in Australia: Language, Culture, Religion*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Haji Omar, 2010. *Carik-Carik Bulu Ayam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Berita Harian, 1994. "Tiga Stesen Radio, Satu Rancangan" dlm. *Berita Harian*, 10 Mac: hlm. 5
- Berita Harian, 1998. "Deejay Warna berpantun dan berlawak" dlm. *Berita Harian*, 30 Januari: hlm. 6
- Berita Harian, 2006. "Cikgu Ariff Dapat Anugerah Doktor Persuratan" dlm. *Berita Harian*, 27 Ogos: hlm. 4.
- Bourhis, R.Y., 1979. "Language in Ethnic Interaction: A Social Psychological Approach" dlm H. Giles & B. Saint-Jacques (ed.), *Language and Ethnic Relations*. Oxford: Pergamon Press, hlm. 117-142.
- Bourhis, R.Y., 1982. "Language Policies and Language Attitudes" Le monde de la Francophonie" dlm. E. B. Ryan H. Giles (eds.), *Attitudes Towards Language Variation: Social and Applied Contexts*. London: Edward Arnold Ltd.
- Chambers, J.K. & Trudgill, P., 1980., *Dialectology*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Cooper, R. L. "Introduction to Language Attitude II" dlm. *International Journal of Sociology of Language* 6: hlm. 5-9, 1975.
- Cooper & Fishman, J.A. "Language Attitudes" dlm. *International Journal of Sociology of Language* 3: hlm. 5-19, 1974.
- Fatimah Zainal. "Masuri S.N. Karyawan Tamu DBP" dlm. *Dewan Sastera* 28: 1 hlm. 54-55, 1998.
- Fishman, J.A., 1966. *Language Loyalty in the United States*. The Hague: Mouton.
- Fishman, J.A., 1977. "Ethnicity and Identity" dlm H. Giles. (ed.), *Language Ethnicity and Intergroup Relations*. London: Academic Press, hlm. 14-52.
- Gibbons, J & Ramirez, E., 2004. *Maintaining a Minority Language: A Case Study of Hispanic Teenagers*. Clevedon: Multilingual Matters.
- Giles, H., "Accent Mobility: A Model and Some Data" dlm *Anthropological Linguistics* 15: hlm. 87-105, 1973.
- Giles, H., 1977. *Language, Ethnicity and Intergroup Relations*. London: Academic Press.
- Giles, H., 1978. "Linguistic Differentiation between Ethnic Group" dlm H. Tajfel (ed.), *Differentiation Between Social Groups: Studies in the Social Psychology of Intergroup Relations* hlm. 361-393. London: Academic Press.
- Giles, H., Bourhis, R.Y. & Taylor, D.M., 1977. "Towards A Theory Of Language in Ethnic Group Relations" dlm H. Giles. (ed.), *Language Ethnicity and Intergroup Relations* hlm 307-48. London: Academic Press.



- Giles, H. & Saint-Jacques, B. (ed.), 1979. *Language and Ethnic Relations*. Oxford: Pergamon Press.
- Han, W.C., 2012. "APM 2012: Holding Up a Mirror to the Malay Music Industry" dlm Channelnewsasia.com, 23 November. <http://www.channelnewsasia.com/stories/entertainmentfeatures/view/1239005/1.html> [Capaian 3 Februari 2013].
- Hernandez-Campoy, J. M. & Conde-Silverstre, J.C., "Sociolinguistic and Geolinguistic Approaches to the Historical Diffusion of Linguistic Innovations: Incipient standardization in Late Middle English" dlm *International Journal of English Studies* 5: 1 hlm. 101-34, 2005.
- Hoch, S. & Hayes, J.J., "Geolinguistics: The Incorporation of Geographic Information Systems and Science" dlm *The Geographical Bulletin* 51: hlm. 23-26, 2010.
- Ihsan Noorzali, 2010. "Upside, Asas '50 Jalin Kerjasama'" dlm *Berita Harian Online*, 11 Mei. [http://www.bharian.com.my/bharian/articles/Upsi\\_Asas50jalinkerjasama/Article/index\\_html](http://www.bharian.com.my/bharian/articles/Upsi_Asas50jalinkerjasama/Article/index_html) [Capaian 21 September 2012].
- Ismail Kassim, 1974. *Problems of Elite Cohesion – A Perspective from Minority Community*. Singapore: Singapore University Press.
- Lily Zubaidah Rahim, 2001. *The Singapore Dilemma: The Political and Educational Marginality of the Malay Community*. 2nd ed. US: Oxford University Press.
- Lim, L. & Ong A., 2012. "Malay-Muslims Have Done Well in S'pore: PM" dlm The Straits Times, Julai 1. [http://www.pmo.gov.sg/content/pmosite/mediacentre/inthenews/primeminister/2012/July/malay-muslims\\_havedone/newellinsporepm.html](http://www.pmo.gov.sg/content/pmosite/mediacentre/inthenews/primeminister/2012/July/malay-muslims_havedone/newellinsporepm.html) [Capaian 10 Februari 2013].
- Loh, P. D., 2011. "The Best Confucius Institute in the World" dlm China Daily, 25 September. <http://www.ci-ntu.com/article/news/best-confucius-institute-world-china-daily> [Capaian 26 Oktober 2011].
- Maarof Salleh, 2011. "Mencari Dinamisme Guru Melayu" dlm Berita Harian, 28 Januari. <http://asas50.com/iltizam/2011/01/28/mencari-dinamisme-guru-melayu-bh-28-01-11/> [Capaian 2 November 2013].
- Marketing Magazine, 2007. "Mediacorp Buys into Indonesian Media Firms" dlm Marketing Magazine, 28 Jun 2007. <http://www.marketingmagazine.com.my/index.php/134-breaking-news-archives/308-mediacorp-buys-into-indonesian-media-firms> [Capaian 5 November 2013].
- Ministry of Education, 2004. "New Programmes in Special Assistance Plan (SAP) Schools," 4 September. <http://www.moe.gov.sg/media/press/2009/09/new-programmes-in-special-assistance-plan-sap-schools.php> [Capaian 25 Oktober 2011].
- Ministry of Education, 2010. "New Centre to Enhance Professional Development of Malay Language Teachers," 30 Januari. <http://www.moe.gov.sg/media/press/2010/01/new-centre-to-enhance-professi.php> [Capaian 23 Oktober 2013].



- Mohamed Pitchay Gani Mohamed Abdul Aziz, 2005. *Leksikon – Direktori Penulis Melayu Singapura Pasca 1965*. Singapura: Angkatan Sasterawan 50 & National Library Board.
- National Arts Council 2009. “Singapore Writers Festival 2009 Presents UnderCovers.”
- 18 September. [http://www.ifacca.org/national\\_agency\\_news/2009/09/18/singapore-writers-festival-2009-presents-undercover/](http://www.ifacca.org/national_agency_news/2009/09/18/singapore-writers-festival-2009-presents-undercover/) [2 November 2013]
- Nazri Hadi Saparin, 2008. “Unisim Meterai Mou dengan Varsiti Malaysia” dlm *Berita Harian*, 12 Ogos. <http://cyberita.asia1.com.sg/singapura/story/0,3617,132421,00.html?> [Capaian 22 Oktober 2013].
- Nurul’ain Razali, 2012. “Singapura hos Majlis Sastera SEA 2015” dlm *Berita Harian*, 23 Oktober. <http://cyberita.asia1.com.sg/singapura/singapura-hos-majlis-sastera-sea-2015> [Capaian 27 Oktober 2012].
- Ong, A., 2012. “Ex AMP Head Critiques Myth of Meritocracy” dlm *Straits Times*, 9 September. [www.rima.sg/subindex/asp/id=A065\\_12](http://www.rima.sg/subindex/asp/id=A065_12) [10 Februari 2013]
- Pei, M.A., 1965. *Invitation to Linguistics: A Basic Introduction to the Science of Language*. US: Doubleday and Company.
- Rasi Gregorutti, S.B., 2002. “What I speak, Who I am: Patterns of Language Choice and Ethnolinguistic Identity Among Mexican-American Adolescents”. Tesis Phd. ProQuest Dissertations & Theses database (UMI Number: 3077759).
- Riney, T., 1998. “Toward More Homogeneous Bilingualisms: Shift Phenomena in Singapore” dlm *Multilingua* 17: hlm. 1-23.
- Ryan, E.B. & Giles, H. (ed.) 1982. *Attitudes Towards Language Variation: Social and Applied Contexts*. London: Edward Arnold (Publishers) Ltd.
- Ryan, E. B., Giles, H., & Sebastian R.J., 1982. “An Integrative Perspective into The Study of Attitudes towards Language Variation” dlm E. B. Ryan & H. Giles (ed.), *Attitudes Towards Language Variation: Social and Applied Contexts* hlm. 34-62. London: Edward Arnold (Publishers) Ltd.
- Sachdev, I., “Language And Identity: Ethnolinguistic Vitality Of Aboriginal Peoples In Canada” *The London Journal of Canadian Studies* 11: hlm.41-59, 1995.
- Salim Osman, 2008. “Singapore Islamic School in Java Tie-Up – Madrasah Teaming with Muslim Boarding School in Indonesia to Boost Education Quality” dlm *The Straits Times*, 26 Ogos: hlm. A12
- Salmiah Ismail. “Wawancara Dengan Masuri S.N. Mengenai Topik Kami Mampu Mendaulatkan Bahasa Dan Sastera Melayu” dlm *Dewan Sastera* 17: 4, hlm.20-24, 1987.
- Sidek Saniff, 1996. “Ucapan selaku Menteri Negara Kanan (Pendidikan) Pertemuan Guru-Guru Nusantara (PGN) Ke-8 Pada Rabu, 4 Disember di Begonia Pavilion, Ntuc Pasir Ris Resort. <http://a2o.nas.sg/stars/public/viewDocx.jsp?stid=17729&lochref=viewHTML.jsp?pdfno=1996120403&keyword=>

- [Capaian 25 Oktober 2013].
- Sidek Saniff, 2000. "Ucapan selaku Menteri Negara Kanan (Sekitaran) Merangkap Pengerusi Majlis Melayu Singapura Sempena Majlis Antarabangsa Bahasa Melayu 21 Ogos di Hotel Istana, Kuala Lumpur. <http://a2o.nas.sg/stars/public/viewDocx.jsp?stid=12471&lochref=viewPDF-body.jsp?pdfno=ss200008211.pdf&keyword=> [Capaian 25 Oktober 2013].
- Singapore. Department of Statistics, Ministry of Trade and Industry, 2011. *Census of Population 2010 Statistical Release 1, Demographic Characteristics, Education, Language and Religion*. Singapore: Department of Statistics, Ministry of Trade and Industry.
- Singapore Writers Festival. <http://www.singaporewritersfestival.com/about-us> [Capaian 24 Oktober 2013].
- Siti Nor Jahana Samingon 1998. "Masuri S.N. Dan Suratman Markasan Sahajakah Penulis Singapura?" [Surat kepada editor] dlm Dewan Sastera 28: 3 hlm. 6.
- Su, G., 2010. "Speech as President, Nanyang Technological University at the Official Opening of Wang Gungwu Library At Chinese Heritage Centre on Tuesday, 14 September at Wang Gungwu Library, Chinese Heritage Centre. [http://news.ntu.edu.sg/pages/newsdetail.aspx?URL=http://news.ntu.edu.sg/news/Pages/Speeches2010\\_Sep14a.aspx&Guid=f3e10396-25d4-4c0c-8580-c63064db91d9&Category=Speeches](http://news.ntu.edu.sg/pages/newsdetail.aspx?URL=http://news.ntu.edu.sg/news/Pages/Speeches2010_Sep14a.aspx&Guid=f3e10396-25d4-4c0c-8580-c63064db91d9&Category=Speeches) [Capaian 23 Oktober 2012].
- Tan, K. P., 2004. "Ethnic Representation on Singapore Film and Television" dlm L. A. Eng (ed.), *Beyond Rituals and Riots: Ethnic Pluralism and Social Cohesion in Singapore*. Singapore: Eastern Universities Press.
- Tajfel, H., "Social Identity and Intergroup Behavior" dlm *Social Science Information* 11: 65–93, 1974.
- Tajfel, H., 1978. *Differentiation Between Social Groups: Studies in the Social Psychology of Intergroup Relations*. London: Academic Press.
- The Brunei Times*, 2008. "Brunei, S'pore Joint Radio Programme" dlm. *The Brunei Times*, 1 Julai. <http://www.bt.com.bn/node/44993/print> [3 Februari 2013].
- The Straits Times*, 1987. "Singapore will be Closely Watched, Says Pelita" dlm. *The Straits Times*, 20 Mac: hlm. 8
- The Straits Times* 1991. "PM Reveals Deliberate Move to Agitate Malay Community" dlm *The Straits Times*, 22 Julai: hlm. 23
- The Straits Times*, 1999. "SM's Remarks Must Be Seen In Right Light" dlm. *The Straits Times*, 30 September: hlm. 28
- Wahyudi Soeriaatmadja 2008. "SIA to Promote Indonesia Tourism" dlm. *The Straits Times*, 22 Ogos: hlm. A20
- Walsh, S.P. "The Roar of the Lion City Ethnicity, Gender, and Culture in the Singapore Armed Forces" dlm *Armed Forces & Society* 33: 2 hlm.265-285, 2007.

MOHAMED PITCHAY GANI MOHAMED ABDUL AZIZ

Wawancara secara bebas antara penulis dengan Encik Mohamed Noh Daipi selaku Pengarah Pusat Bahasa dan Penolong Pengarah Jabatan Perancangan dan Pembangunan Kurikulum, Kementerian Pendidikan Singapura di pejabatnya di Pusat Bahasa pada 11 Disember 2012.

Zainal Abidin Borhan. “Uniknya Jati Diri Melayu Singapura” dlm. *Warta Gapena* Oktober hlm 2-3, 2010.

Zul Othman, 2012. “No Regrets Over Big Move To JB” dlm. *New Paper*, 10 Julai. <http://business.asiaone.com/Business/My%2BMoney/Property/Story/A1Story20120709-358072.html> [Capaian 3 Februari 2013].